

SIARAN MEDIA

KEPS 2026: KUSKOP JEMPUT ORANG RAMAI DEKATI DAN SOKONG PERUSAHAAN SOSIAL TEMPATAN

PUTRAJAYA, 28 JULAI - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bakal menganjurkan Konvensyen Ekosistem Perusahaan Sosial 2026 (KEPS 2026) bagi memperkukuh keterlihatan serta impak Perusahaan Sosial (PS) tempatan. Penganjuran ini sejajar dengan fokus pemerkasaan sektor ketiga di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Majlis perasmian bakal disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Encik Steven Sim Chee Keong, pada **30 Julai 2026 (Khamis)** di **Hotel Royale Chulan Damansara, Selangor**.

Konvensyen ini dijangka menghimpunkan kira-kira 300 peserta merangkumi usahawan sosial, pakar dan pengamal industri, agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi (IPT), organisasi pembangunan PS, serta pelbagai pihak berkepentingan.

Sebagai platform jaringan utama antara kerajaan, industri, akademik, dan masyarakat, KEPS 2026 memberi tumpuan khusus kepada penerokaan peluang **perolehan impak sosial (*social impact procurement*)** oleh sektor kerajaan, swasta, dan korporat, di samping perkongsian ilmu serta pameran khas.

PROGRAM DAN PENGISIAN UTAMA KEPS 2026

Bagi meningkatkan kesedaran awam dan menyemarakkan penganjuran, KEPS 2026 merangkumi tiga segmen utama:

1. Sesi Forum & Perkongsian Kisah Kejayaan PS

- **Tarikh dan Lokasi:** 30 Julai 2026 (Khamis) | Hotel Royale Chulan Damansara
- **Pengisian:** Tiga (3) sesi forum menampilkan panel daripada sektor kerajaan, swasta, dan PS:
 - Forum 1: *Social Procurement: Business Experience and Inclusive Growth*
 - Forum 2: Pelaburan Sosial: Menggerakkan Modal untuk Memperluas Impak Sosial
 - Forum 3: Memperkukuh Ekosistem Tempatan PS: Pembiayaan, Pembangunan Kapasiti, dan Kerjasama Strategik

2. Sesi Padanan Perniagaan (*Business Matching*)

- **Tarikh dan Lokasi:** 31 Julai 2026 (Jumaat) | Hotel Royale Chulan, The Curve, Selangor

- **Fokus:** Membuka ruang bagi PS mempromosikan produk dan perkhidmatan secara terus kepada syarikat korporat bagi meneroka pasaran baharu dan memudahkan perolehan berimpak sosial.

3. Karnival Jualan KEPS @ Bazaar Usahawan Sosial

- **Tarikh dan Lokasi:** 31 Julai hingga 2 Ogos 2026 | The Curve, Mutiara Damansara, Selangor
- **Fokus:** Menghimpunkan 20 PS unik dari seluruh Malaysia dengan sasaran 3,000 pengunjung. Karnival jualan tiga hari ini menjadi platform interaktif untuk mendidik masyarakat mengenai ekosistem PS tempatan.

TARIKAN UTAMA KEPADA PESERTA DAN PENGUNJUNG

- **Peluang Kerjasama & Perolehan Sosial:** Platform bagi agensi kerajaan, swasta, dan korporat mencari rakan strategik serta pembekal tempatan yang menawarkan penyelesaian mampan.
- **Menyokong Produk & Perkhidmatan Berimpak:** Membeli-belah di Bazaar Usahawan Sosial sambil menyumbang secara langsung kepada pemerkasaan golongan rentan dan pemuliharaan alam sekitar.
- **Perkongsian Ilmu Percuma:** Menerima pendedahan dan inspirasi daripada pakar tempatan serta antarabangsa menerusi sesi forum dan pameran.
- **Aktiviti Mesra Keluarga:** Karnival jualan interaktif di lokasi strategik untuk mengenali ekosistem PS sambil bersantai.

MEMPERKASA EKONOMI INKLUSIF

Perusahaan Sosial (PS) merupakan model perniagaan impak tinggi yang menjana pendapatan sambil menangani isu sosial dan alam sekitar secara mampan. Sektor ini berperanan penting mewujudkan peluang pekerjaan, memperkasa golongan rentan, membangunkan komuniti, serta menyumbang kepada pembangunan negara yang lebih inklusif.

KUSKOP menjemput orang ramai, khususnya warga Lembah Klang, untuk hadir memeriahkan KEPS 2026 sebagai tanda sokongan padu kepada usahawan sosial tempatan.

Untuk maklumat lanjut dan pendaftaran, sila layari www.keps.com.my atau hubungi e-mel keps@kuskop.gov.my.

Hebatkan Perniagaan Malaysia!

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
28 JULAI 2026

